



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
ACCOUNTANT GENERAL'S DEPARTMENT MALAYSIA

Kompleks Kementerian Kewangan
No. 1, Persiaran Perdana
Presint 2
62592 Putrajaya
MALAYSIA

Tel : 603-8882 1000
Faks : 603-8882 1042
Laman Web : www.anm.gov.my

Rujukan Kami : JANM.BPPP.500-6/6/3 (9)
Tarikh : 4 Jun 2018

Ketua Jabatan Persekutuan

Ketua Jabatan Negeri

Ketua Akauntan Kementerian

Bendahari/ Akauntan Negeri

Ketua Agensi Badan Berkanun

Ketua Agensi Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

**PERSIDANGAN PENOLONG AKAUNTAN SEKTOR AWAM KEBANGSAAN KALI
KE - 13**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) bersama Persatuan Penolong Akauntan JANM (PERPENA) akan menganjurkan **Persidangan Penolong Akauntan Sektor Awam Kebangsaan Kali Ke - 13** dengan tema "**Strengthening Accounting Delivery**" bagi Penolong Akauntan Sektor Awam seperti maklumat berikut:

Tarikh : 30 Julai – 1 Ogos 2018 (Isnin hingga Rabu)

Tempat : Primula Beach Hotel, Terengganu

3. Permohonan untuk menyertai persidangan ini hendaklah dibuat secara dalam talian dengan melayari portal rasmi JANM (www.anm.gov.my) **selepas mendapat kebenaran Ketua Jabatan masing-masing. Tarikh tutup permohonan adalah pada 05 Julai 2018 (Khamis) pukul 5.00 petang.** Pengesahan penyertaan dan surat jemputan persidangan boleh disemak di portal rasmi JANM pada 16 Julai 2018. Tentative Program persidangan adalah seperti di Lampiran A dan Maklumat Penyertaan di Lampiran B.

4. Sehubungan dengan itu, adalah diharapkan YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan dapat memaklumkan dan membenarkan Penolong Akauntan di kementerian/ jabatan masing-masing untuk menyertai persidangan ini.

5. Sebarang pertanyaan lanjut berkenaan persidangan, sila berhubung dengan urusetia persidangan seperti berikut:


- i. Cik Kaslinda binti Sudin (kaslinda@anm.gov.my)
Telefon: 03-8882 1739
- ii. Puan Normala binti Hamzah (nhzmala@gmail.com)
Telefon: 088-478229

6. Kerjasama YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan dalam menjayakan persidangan ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Membudayakan Inovasi Memperkasakan Perakaunan Akruan”



DATO' ZAMIMI BIN AWANG (C.A.(M))
Timbalan Akauntan Negara Malaysia (Korporat)
Jabatan Akauntan Negara Malaysia

s.k: Akauntan Negara Malaysia

Timbalan Akauntan Negara Malaysia (Operasi)

Pengarah Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan (BPPP)

TENTATIF PROGRAM

**PERSIDANGAN PENOLONG AKAUNTAN SEKTOR AWAM KEBANGSAAN
KALI KE –13 DI PRIMULA BEACH HOTEL, TERENGGANU
PADA 30 JULAI – 1 OGOS 2018**

ISNIN (30/07/2018)	
2.00 ptg – 6.00 ptg	Pendaftaran Peserta & <i>Check In</i>
8.30 mlm – 10.30 mlm	Majlis Makan Malam Bersama Pengurusan Tertinggi JANM
SELASA (31/07/2018)	
8.30 pg – 10.30 pg	Perasmian Pembukaan Persidangan Penolong Akauntan Sektor Awam Kebangsaan Kali Ke – 13 oleh YBhg. Datuk Saat bin Esa (Akauntan Negara Malaysia) - Sesi bersama pengurusan tertinggi
10.30 pg – 11.00 pg	Minum pagi
11.00 pg – 12.00 tgh	Kertas Kerja 1: Perkhidmatan
12.00 tgh – 1.00 ptg	Kertas Kerja 2: Halatuju Kerjaya Penolong Akauntan
1.00 ptg – 2.30 ptg	Makan Tengahari
2.30 ptg – 3.30 ptg	Kertas Kerja 3: iGFMAS
3.30 ptg – 5.00 ptg	Kertas Kerja 4: Psikologi & Integriti " <i>Peraku Sahaja!</i> "
5.00 ptg – 5.30 ptg	Minum Petang
8.30 mlm – 10.30 mlm	Program Khas: Transformasi Minda
RABU (01/08/2018)	
8.30 pg – 10.30 pg	Kertas Kerja 5: Jenayah Siber " <i>Tidak Pasti Jangan Kongsi!</i> "
10.30 pg – 11.00 pg	Minum Pagi
11.00 pg – 12.30 tgh	Penutupan Persidangan Penolong Akauntan Kali Ke – 13 oleh YBhg. Dato' Zamimi bin Awang (Timbalan Akauntan Negara (Korporat))
12.30 tgh – 2.00 ptg	Makan Tengahari & <i>Check Out</i>

MAKLUMAT PENYERTAAN

**PERSIDANGAN PENOLONG AKAUNTAN
SEKTOR AWAM KEBANGSAAN KALI KE -13**

1. Yuran Penyertaan adalah **RM750.00** seorang termasuk penginapan.
2. Semua pembayaran hendaklah dibuat atas nama:

Persatuan Penolong Akauntan JANM (PERPENA)

No. Akaun : 8601906332

Nama Bank : CIMB Islamic Bank

Cawangan : Putrajaya

Kod Pembekal : 6000305296

3. Pembayaran boleh dibuat sama ada secara *Electronic Fund Transfer* (EFT), Pesanan Tempatan (LO) atau Tunai semasa pendaftaran persidangan. Pembayaran hendaklah menggunakan alamat seperti di bawah:

Urusetia Persidangan Penolong Akauntan Sektor Awam Kebangsaan

Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan
Aras 7, Kompleks Kementerian Kewangan
No. 1, Persiaran Perdana, Presint 2
62594 PUTRAJAYA

4. Sebarang pembatalan penyertaan adalah tidak dibenarkan dan wang penyertaan tidak akan dikembalikan. Walau bagaimanapun pertukaran dengan pegawai lain adalah dibenarkan.
5. Jadual pengangkutan dari Lapangan Terbang Sultan Mahmud, Kuala Terengganu ke tempat persidangan akan dimaklumkan kemudian (sekiranya ada).
6. **Tarikh tutup permohonan adalah pada 05 Julai 2018 (Khamis) pukul 5.00 petang** dan permohonan adalah terhad kepada 600 penyertaan terawal sahaja.